

“*Wamā ūtītum min al-‘ilmi illā qalīlā*” ertinya: “Tiadalah Kamu diberikan ilmu, mungkin<sup>4</sup> sedikit sahaja.”

Jika kita telah faham bahawa roh itu urusan Allah yang menjadi rahsia yang ghaib yang tidak dibenarkan Rasul-Nya – maka tiadalah payah kita hendak bersusah sesiapa pun mengetahuinya apa hakikatnya – sekali pun payah menentukannya, bagaimana dia yang sebenarnya, dan sampai ke mana pula kebolehannya untuk berpisah dari sesuatu jasad, kemudian meresap pula ke jasad yang lain.

Tentang adanya kepercayaan; bahawa roh orang mati meresap ke jasad orang yang hidup atau yang dinamakan “*al-tanāsukh*”, kepercayaan ini telah pun hidup subur sejak dahulu kala di kalangan orang-orang yang menganut kepercayaan *al-tanāsukh* tersebut. Kepercayaan ini adalah bertentangan dengan pengajaran agama Islam, bahkan dihukumkan “*il-hād*” yakni menyimpang dari agama Islam kerana telah tersesat.

Sesungguhnya pengakuan orang yang sedang menurun (kononnya diresap oleh roh orang lain yang sudah mati), maka segala pengakuannya itu – terutama dia dalam keadaan yang tiada sedarkan diri – adalah termasuk dalam jumlah sihir. Begitu pula pengakuan dari orang yang menurun tadi; bahawa roh Wali Allah yang bernama si polan-si polan sedang bercakap begini-begini ..... dan memberi nasihat begini-begini ..... - semuanya ini juga terjumlah sebagai sihir. Kerana roh orang yang sesudah mati terutama roh orang-orang yang baik-baik seperti Wali Allah umpamanya tidak sekali-kali akan meresap ke jasad orang yang masih hidup. Apa yang dapat meresap ke jasad orang yang hidup itu ialah dari jenis roh yang jahat (*al-ruh al-sharīrah*) yang terbit dari pengaruh jin dan syaitan yang mempengaruhi orang yang diresapnya bagi menggoda manusia, atau memperdayakan manusia yang telah mulai percaya kepadanya, sehingga percayalah kepada berita-berita ghaib yang

dikhabarkannya, sedang mempercayai telahan atau ramalan mengenai perkara-perkara yang ghaib itu dilarang dalam agama dan dikira sebagai dosa yang besar.

\* \* \*

### Adakah Syurga dan Neraka itu Kekal?

Alif. Ja’afar bin Abdullah,

Kampung Sungai Bachok, Kelantan bertanya:

1. Adakah syurga dan neraka itu kekal dan apa hukum mengi’tikadkan keduanya tidak kekal?
2. Apakah maksud ayat-ayat seperti berikut;
  - (a) *Kullu shay’in hālikun illā wajhah*<sup>5</sup>
  - (ba) *Lābithīna fihā ahqābā*<sup>6</sup>
  - (ta) *Fa’ahyākum thumma yumūtukum thumma yuhyīkum thumma ilayhi turja’ūn*<sup>7</sup>

### Jawapannya:

1. Syurga dan neraka, kedua-duanya daripada perkara-perkara yang dikecualikan oleh Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* daripada dibinasakan, kerana kedua-duanya itu adalah tempat tinggal yang disediakan oleh-Nya bagi kediaman orang-orang yang diberi balasan di atas amalannya. Yang Mukmin dimasukkan ke dalam syurga sebagai tanda kelimpahan Allah kepada hamba-Nya. Dan yang kafir dimasukkan ke dalam neraka sebagai tanda keadilan-Nya. Jika keduanya dibinasakan bermakna tidak ada lagi ertinya mengadakan balasan. Dalam Qur’ān banyak ayat-ayat yang menerangkan kekalnya syurga dan neraka itu. Ayat “*khalidīna fihā*” yang ertinya: “mereka itu berkekalan di dalamnya” adalah menunjukkan kekalnya syurga dan juga neraka, sedang memungkirinya pula bererti kufur.
  - (a) “Tiap-tiap sesuatu akan binasa, kecuali Zat Allah”: Maksud ayat ini jelas, iaitu Zat Allah tidak sekali-kali akan binasa pada sebarang

<sup>4</sup> Perkataan sebenarnya mungkin (mungkin)

<sup>5</sup> Surah al-Qasas ayat 88

<sup>6</sup> Surah an-Naba’ ayat 23

<sup>7</sup> Surah al-Baqarah ayat 28

waktu, sedang yang lain semuanya akan binasa.

Dalam hubungan ini al-Imam al-Suyuti telah menyatakan,

ada 8 perkara yang dikecualikan oleh Allah daripada binasa

iaitu: **'arasy, kursi, neraka, syurga, roh, lūh** dan

#### **Qalam.**

(ba) "Orang-orang yang bermaharajalela (kafir itu tinggal di dalam neraka Jahannam berzaman-zaman."":

Maksudnya, mereka disiksa dalam neraka Jahannam

di dalam masa yang tidak akan putus-putus.

(ta) "Maka Allah menghidupkan kamu kemudian matikan kamu, kemudian sekali lagi kamu dihidupkan, kemudian kepada-Nya (Allah) kamu dikembalikan."

Maksudnya: Allah menceritakan perjalanan manusia

- dari mula hingga akhirnya – iaitu mula-mula asal manusia itu tak ada. Dari setitis mani yang dikandung ibu menjadi segumpal darah yang beku, lalu menjadi seketul daging, setelah itu ditiupkan ke dalamnya roh (nyawa) sehingga dia pun hidup lahir ke dalam dunia.

Setelah menjalani hidupnya di dunia, maka matilah ia setelah sampai ajalnya. Kemudian dia akan dibangkitkan semula dari kuburnya untuk hidup pada kali yang kedua iaitu di Akhirat, di sanalah dia kembali kepada Tuhannya untuk menerima balasan dari amalannya – jika baik dibalas syurga, jika jahat dibalas neraka. *Wa Allāhu a'lam.*

Sudah Siap:

## **PERSURATAN MELAYU III**

\$7.00 sa-naskhah

Penerbitan Qalam:

#### **BUKU2 RUMI:**

##### **Siri Buku2 Bacaan Sekolah Rendah:**

1. Tunas Baru (ABC) Abdul Rahman H. Said \$1.50
2. Tunas Baru I \$1.50
3. Tunas Baru I, III, IV. \$1.50
4. Senang Bacha I dan II, Hasan Basri \$0.80

##### **b. Buku2 Bacaan Tambahan untuk Sekolah Rendah:**

1. Kucing Hitam oleh A.H. Edrus \$0.30
2. Peristewa Hari Sabtu 30 sen
3. Nabi Sulaiman dengan Semut 30 sen
4. Lutong Sakti I & II 35 sen
5. Karun Dengan Harta-nya 35 sen
6. Pekebuan Yang Tama' 35 sen
7. Lembu Chantek 35 sen
8. Kesah Minangkabau 40 sen
9. Sutan Balun 40 sen
10. Puteri Balqis 45 sen
11. Penduduk Gua 50 sen
12. Sebab Harimau 50 sen
13. Cherita Burong Hantu 75 sen
14. Nakhoda Dengan Datok Perpateh 30 sen
15. Si Buta 30 sen
16. Mimpi 35 sen
17. Si-Pengail 45 sen
18. Sulaiman Nujum 50 sen
19. Raja Ikan 50 sen
20. Mangga Hikmat 75 sen
21. Angsa dan Burong Merak 45 sen
22. Abu Hassan Ganjil \$1.00 sen
23. Ayam dan Musang 35 sen
24. Raja Bersiong (A.Ghani Abbas) 45 sen
25. Lang Dengan Ayam (Ira Mara) 30 sen
26. Ikan Puyu 40 sen
27. Semut Membalas Budi 35 sen
28. Katak Yang Hina 40 sen
29. Bangau Dengan Singa 35 sen
30. Badak Dengan Seladang 40 sen
31. Si-Amang Dengan Kaksasa 35 sen
32. Kijang Yang Cherdek 40 sen
33. Pertengkaran Bangau dengan Belibis 35 sen
34. Buaya dengan Landak 35 sen

Pesan kepada:-

**QALAM**

356 & 358, Geylang Road,

Singapura, 14.